

TEKS UCAPAN
YB DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
2020
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
30 MAC 2021 (SELASA)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAAHI
WABARAKAATUH
DAN SALAM PERPADUAN

TERIMA KASIH SAUDARA / SAUDARI PENGACARA MAJLIS,

YANG BERHORMAT DATO' SRI TI LIAN KER
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA
YBHG. DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MD RADZI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBRS. TUAN HAJI ABD HALIM BIN HASSAN

KETUA PENGARAH

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI
NASIONAL (JPNIN)

YBRS. TUAN MAGALINGAM MANIAM

KETUA PENGARAH

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA (MITRA)

PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)
TAHUN 2020

WARGA KPN YANG DIKASIHI SEKALIAN

PENDAHULUAN

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MELAHIRKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERHIMPUN UNTUK MERAIKAN **PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC), KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) BAGI TAHUN 2020.**

2. PENGANJURAN MAJLIS APC PADA PAGI INI AMAT BERMAKNA KERANA:

- PERTAMA KALI PEGAWAI-PEGAWAI KPN MENERIMA APC BAGI PRESTASI KERJA TAHUN LEPAS SETELAH GENAP SETAHUN PENUBUHAN KPN;
- SERAMAI 128 PENERIMA APC HADIR SECARA FIZIKAL, IAITU:
 - i. IBU PEJABAT KPN : 14 ORANG
 - ii. IBU PEJABAT JPNIN : 13 ORANG
 - iii. SELANGOR : 34 ORANG
 - iv. WP. KUALA LUMPUR : 26 ORANG
 - v. NEGERI SEMBILAN : 23 ORANG
 - vi. MELAKA : 14 ORANG
 - vii. WP. PUTRAJAYA : 2 ORANG
 - viii. MITRA : 2 ORANG

- SERAMAI 259 PENERIMA APC NEGERI LAIN TURUT HADIR SECARA MAYA, IAITU:

| | |
|-------------------|------------|
| i. PERLIS | : 8 ORANG |
| ii. KEDAH | : 23 ORANG |
| iii. PULAU PINANG | : 24 ORANG |
| iv. PERAK | : 32 ORANG |
| v. JOHOR | : 37 ORANG |
| vi. PAHANG | : 25 ORANG |
| vii. TERENGGANU | : 16 ORANG |
| viii. KELANTAN | : 22 ORANG |
| ix. SARAWAK | : 37 ORANG |
| x. SABAH | : 29 ORANG |
| xi. WP. LABUAN | : 6 ORANG |

3. PECAHAN PENERIMA APC KPN BAGI TAHUN 2020:

- KUMPULAN PEGAWAI:

| | |
|-----------------------------|-------|
| i. PENGURUSAN & PROFESIONAL | : 26 |
| ii. PELAKSANA (SOKONGAN) | : 361 |

- JANTINA:

| | |
|---------------|-------|
| i. LELAKI | : 59 |
| ii. PEREMPUAN | : 328 |

- UMUR:

| | |
|----------------------|-------|
| i. 25 – 40 | : 198 |
| ii. 40 – 50 | : 103 |
| iii. 51 DAN KE ATAS: | 86 |

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

4. KRITERIA PEMILIHAN PENERIMA APC:

- PENGHASILAN KERJA YANG CEMERLANG;
- MEMPUNYAI PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN YANG TINGGI DALAM PELAKSANAAN TUGAS;
- MEMILIKI KUALITI PERIBADI/ ETIKA KERJA BAIK;
- KOMITMEN KERJA YANG TINGGI;
- BERINTEGRITI TINGGI;
- SUMBANG BAKTI YANG BERMANFAAT KEPADA ORGANISASI DAN MASYARAKAT.

5. PENGIKTIRAFAN APC SEHARUSNYA:

- MENJADI DORONGAN KE ARAH MEMBUDAYAKAN KECEMERLANGAN DALAM SEMUA ASPEK;
- DAPAT MELONJAKKAN MOTIVASI KERJA;
- MENJADI *ROLE MODEL* DAN MENTOR TERBAIK;
- TITIK PERMULAAN KEPADA SEMANGAT KERJA BERPASUKAN DAN BUDAYA KERJA CEMERLANG SERTA INOVASI;
- MENJADI PEMBAKAR SEMANGAT AGAR KITA SAMA-SAMA BERUSAHA MENCAPAI KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN YANG BERTERUSAN;
- DAPAT MENYUNTIK SEMANGAT SERTA TERUS BERKHIDMAT DENGAN LEBIH DINAMIK, DEDIKASI DAN ILTIZAM YANG TINGGI.

TAHUN PELAKSANAAN AGENDA PERPADUAN

6. TAHUN 2021 MERUPAKAN TAHUN UNTUK KITA BERSAMA-SAMA BEKERJA KERAS BAGI MENJAYAKAN APA YANG TELAH DIRANCANG SEPANJANG TAHUN 2020.

7. BERMULA AWAL TAHUN 2021 SEHINGGA KINI, KPN TELAH MELANCARKAN TIGA DOKUMEN DASAR/PELAN YANG PENTING UNTUK MENCAPAI ASPIRASI PERPADUAN, IAITU:
 - DASAR PERPADUAN NEGARA
 - RANGKA TINDAKAN PERPADUAN NEGARA (*BLUEPRINT*) 2021-2030
 - PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN RUKUN TETANGGA 2021-2030

8. MEMETIK KATA-KATA YAB PERDANA MENTERI SEMASA MAJLIS PELANCARAN DASAR PERPADUAN NEGARA "*THE QUEST FOR UNITY IS A JOURNEY NOT A DESTINATION*", MEMBAWA ERTI BAHAWA PERJALANAN KEMENTERIAN INI BARU SAHAJA BERMULA DAN TAHUN INI MERUPAKAN TAHUN PELAKSANAANNYA.

EKSPEKTASI KUALITI SUMBER MANUSIA KPN

9. DALAM USAHA MENJAYAKAN DASAR DAN PELAN YANG TELAH DIRANCANGKAN, KPN PERLU MEMPUNYAI SUMBER MANUSIA YANG MEMILIKI CIRI-CIRI SEPERTI BERIKUT:

- WARGA/PASUKAN KERJA YANG BERKEPELBAGAIAN
- BERKEBOLEHAN MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN YANG BAIK KEPADA KOMUNITI SETEMPAT
- KEMAHIRAN KOMUNIKASI BERKESAN (BERTUTUR, PENULISAN DAN PERBUATAN)
- KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA KRITIKAL DAN ANALITIKAL
- BERPENGETAHUAN DAN MEMAHAMI ADAT DAN BUDAYA PELBAGAI KAUM (SILANG BUDAYA)
- KEMAHIRAN PENDAMPINGAN SOSIAL UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM PERPADUAN
- BERSEDIA MENGADAPTASI DAN MENYESUAIKAN DIRI DALAM KOMUNITI PELBAGAI KAUM
- RESPONSIF DAN KERJA BERPASUKAN

- SENTIASA MENGAMALKAN NILAI-NILAI MURNI: RAJIN, AMANAH, IKHLAS, DISIPLIN DAN BERTANGGUNGJAWAB.
10. SELAIN ITU JUGA, PENEKANAN KEPADA **ASPEK INTEGRITI** PERLU DIBERI FOKUS UTAMA.
- RASUAH MERUPAKAN SATU PARASIT YANG MAMPU MEREBAK DAN MEROSAKKAN KECEMERLANGAN SESUATU ORGANISASI
 - IA BERPUNCA DARIPADA KELEMAHAN DAN KETIRISAN INTEGRITI INDIVIDU
 - PEMBUDAYAAN DAN PENGAMALAN INTEGRITI PERLU DIPERTINGKATKAN KERANA IA MERUPAKAN BATU ASAS DALAM MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN KUALITI
11. BAGI MEMASTIKAN KELESTARIAN INTEGRITI DI KPN, SAYA MENCADANGKAN AGAR;
- MEMPERBANYAKAN LAGI PROGRAM-PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI SEPERTI SESI CERAMAH, DAN HEBAHAN MESEJ INTEGRITI
 - PENGIKTIRAFAN DUTA INTEGRITI KPN KEPADA WARGA KERJA YANG BERKOMITED DALAM

USAHA PENGAMALAN INTEGRITI DAN ETIKA KERJA TINGGI

PENUTUP

12. AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA PENERIMA APC BAGI TAHUN 2020, YANG AKAN MENERIMA SIJIL PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN WANG TUNAI SEBANYAK SERIBU RINGGIT.

13. SAYA BERHARAP AGAR SEMUA YANG DIRAIKAN HARI INI AKAN DAPAT MENGEKALKAN MOMENTUM KECEMERLANGAN DAN KOMITMEN YANG TELAH DITUNJUKKAN SELAMA INI, DISAMPING TERUS MENDOKONG USAHA KERAJAAN KE ARAH KEMAKMURAN NEGARA SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT.

14. AKHIRNYA, SEMOGA KITA SEMUA TERUS BERILTIZAM UNTUK MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK DAN CEMERLANG.

MARILAH KITA SAMA-SAMA MENJADIKAN PERPADUAN SATU KEBIASAAN.

SEKIAN, WABILLAH TAUFIK

WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH